

KL-Jakarta sepakat realisasi projek kereta ASEAN
Astro Awani
10 Ogos 2018
Andy Reza

JAKARTA:

Malaysia dan Indonesia sepakat menjalinkan kerjasama strategik bagi melaksana usaha membangunkan industri automotif, sebagai langkah awal ke arah merealisasikan hasrat membangunkan projek kereta ASEAN.

Perkara itu dicapai, hasil pertukaran Memorandum Peretujuan (MOA), antara Institut Automotif Malaysia (MAI) dan Institut Otomotif Indonesia (IOI) di sini hari ini.

Fokus awal tertumpu kepada pemerksaan vendor komponen kenderaan di kedua-dua negara.

Jelas Ketua Pegawai Eksekutif Institut Automotif Malaysia (MAI), Datuk Madani Sahari, keupayaan vendor komponen kenderaan sangat penting, bagi memastikan kejayaan sesebuah pengeluar kenderaan.

Ini kerana, 80 peratus daripada komponen untuk menghasilkan kenderaan, diperoleh daripada vendor.

“Teknologi sesebuah kenderaan bergantung kepada komponennya. Justeru, vendor perlu memastikan komponen berteknologi tinggi dibekalkan kepada pengeluar kenderaan,” katanya.

Sebagai permulaan, pemerksaan modal insan dan pengukuhan rantaian bekalan akan dilakukan.

Juga, menjalankan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dalam pembuatan kenderaan generasi baharu.

Malaysia juga bersedia berkongsi kepakaran dan teknologi, manakala Indonesia pula menyediakan akses pasaran lebih luas kepada Malaysia.

“Malaysia mempunyai lebih 100 syarikat yang memiliki keupayaan mengeluarkan komponen setaraf dengan peringkat global. Manakala Indonesia kebanyakannya berada di kelas Tier 2 dan Tier 3,” katanya selepas menyaksikan pertukaran MOA, antara Ketua Pegawai Eksekutif MAI, Datuk Madani Sahari dengan Presiden IOI, Made Dana M. Tangkas.

Turut serta, Ketua Pengarah Pembangunan Industri Antarabangsa Indonesia, Gusti Putu Suryawani.

Berdasarkan statistik, Indonesia memiliki lebih 1,000 vendor komponen kenderaan, manakala Malaysia pula, sebanyak 641.

Sekiranya MOA tersebut menghasilkan perkembangan positif, kerjasama dengan Thailand akan dilakukan, kerana negara ‘Detroit Of The East’ itu memiliki lebih 2,400 vendor.

Sekaligus, mempercepat pembangunan projek kereta ASEAN.

Sementara itu, Ketua Pengarah Pembangunan Industri Antarabangsa Indonesia, Gusti Putu Suryawani memaklumkan, pembangunan kereta ASEAN tidak hanya terhad kepada segmen kereta penumpang.

Malah, boleh dikembangkan kepada segmen kenderaan komersil atau khusus untuk sektor-sektor tertentu.

2018Astro Awani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-bisnes/kl-jakarta-sepakat-realisisi-projek-kereta-asean-182700>

